



**SIARAN AKHBAR**  
**Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan**  
**Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri**

**WAKTU BEROPERASI POS-POS KAWALAN IMIGRESEN BAGI LALUAN DARAT**

1. Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan (JIPK), Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN) sukacita merujuk kepada Kenyataan Media Jawatankuasa Pandu COVID-19 bertarikh 15hb. Safar 1444 bersamaan dengan 12hb. September 2022 mengenai dengan pengemaskinian sukat-sukat langkah pengawalan COVID-19 dan syarat-syarat perjalanan keluar dan masuk negara.
2. Sehubungan dengan itu, JIPK memaklumkan bahawa bermula pada hari **Khamis, 18hb. Safar 1444 bersamaan dengan 15hb. September 2022**, waktu beroperasi pos-pos kawalan imigresen bagi laluan darat di negara ini seperti berikut adalah dari jam **6.00 pagi hingga jam 8.00 malam**:
  - 2.1 **Pos Kawalan Imigresen Sementara Kuala Lumpur;**
  - 2.2 **Kompleks Kawalan dan Pemeriksaan Ujung Jalan, Temburong;**
  - 2.3 **Pos Kawalan Imigresen Sementara Labu, Temburong dan**
  - 2.4 **Pos Kawalan Imigresen Sungai Tujoh, Kuala Belait.**
3. Orang ramai yang berhasrat untuk membuat perjalanan ke luar negara melalui pos-pos kawalan darat hendaklah memastikan dokumen perjalanan adalah di dalam keadaan baik, mempunyai tempoh sah laku sekurang-kurangnya 3 bulan sebelum mansuh dan mempunyai ruang yang mencukupi untuk mengelakkan sebarang masalah dan kesulitan semasa membuat urusan perjalanan ke luar negeri.

**Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan**  
**Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri**

Tarikh : 17 Safar 1444H bersamaan 14 September 2022

Rujukan : IMM/PPA/PRO/13/Pt2